

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

Oktober/November 1995

PLG 324 - Sosiologi Pendidikan I

Masa : (2 jam)

Arahan: Jawab TIGA soalan sahaja. Pilih SATU soalan dari setiap BAHAGIAN A, B dan C. Mulakan jawapan bagi tiap-tiap soalan pada kertas yang berlainan.

BAHAGIAN A (30 MARKAH)

1. Pertumbuhan dan perkembangan sosiologi pendidikan sebagai satu bidang atau disiplin dalam pendidikan guru adalah suatu yang baru di Malaysia. Apakah pengajian sosiologi pendidikan? Huraikan perkara-perkara atau skop dalam bidang sosiologi pendidikan dan jelaskan bagaimana pemahaman perkara-perkara tersebut menyumbang kepada persediaan bakal guru dan peningkatan profesionalisme di kalangan guru.

(30 Markah)

BAHAGIAN B (35 MARKAH)

Pilih SATU soalan sahaja.

2. Huraikan konsep "bangsa Malaysia". Dengan merujuk kepada fungsi-fungsi sosial sekolah, huraikan bagaimana sekolah boleh menyumbang kepada, dan pada masa yang sama menghindarkan pencapaian matlamat "bangsa Malaysia".

(35 Markah)

3. Hubungan pendidikan dan kelas sosial merupakan satu bidang tumpuan utama dalam pengajian sosiologi pendidikan. Dengan merujuk kepada teori-teori tentang pencapaian akademik di kalangan murid dari kelas sosial yang berlainan, huraikan bagaimana sekolah serta guru mempengaruhi pencapaian akademik dan seterusnya menyumbang kepada penentuan peluang pekerjaan dan kelas sosial pelajar.

(35 Markah)

....2/-

BAHAGIAN C (35 MARKAH)

Pilih SATU soalan sahaja.

4. Menghadapi murid yang mengamalkan budaya "anti sekolah" merupakan satu cabaran yang melemahkan semangat/minat dan komitmen ramai guru hari ini. Apakah yang anda faham tentang budaya "anti sekolah"? Dengan memberi contoh-contoh yang kukuh, huraikan bagaimana budaya "anti sekolah" dibina dan ditonjolkan oleh setengah-tengah murid. Apakah setengah-setengah faktor yang menyebabkan kewujudan budaya "anti sekolah"? Jelaskan beberapa teori atau kajian yang dapat menyokong fenomena pembentukan budaya "anti sekolah". Huraikan bagaimana pemahaman teori-teori tersebut boleh menyumbang kepada keberkesanan guru dalam penyelesaian masalah disiplin di kalangan murid sekolah.

(35 Markah)

5. Huraikan teori "Ramalan Kebenaran Kendiri atau Nujuman Penyempurnaan Kendiri" (self-fulfilling prophecies). Dengan merujuk kepada contoh-contoh dari setengah-setengah amalan sekolah dan guru, jelaskan bagaimana teori jangkaan tersebut boleh digunakan untuk menjelaskan ketidaksamaan prestasi akademik dan tingkah laku murid sekolah. Apakah implikasi teori jangkaan tersebut terhadap mutu pendidikan dan pembekalan sumber tenaga manusia di Malaysia?

(35 Markah)

----- ooooo000ooooo -----